

PENGUMUMAN

DEFINISI KOMPUTER BAGI MAKSUD TUNTUTAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU DI BAWAH PERENGGAN 46(1)(j), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 20 Mac 2013 telah memutuskan kelayakan potongan cukai pendapatan individu bagi pembelian komputer peribadi seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 46(1)(j), Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah komputer meja dan komputer riba, *Notebook* dan *Ultrabook* yang digunakan bukan untuk tujuan perniagaan.

Dengan itu, kelayakan potongan cukai pendapatan ini **tidak meliputi pembelian** peralatan yang berkeupayaan mengendalikan fungsi komputer seperti *tablet* dan telefon bimbit.

Walau bagaimanapun sebagai konsesi, tuntutan untuk potongan selain daripada komputer meja, komputer riba, *Notebook* dan *Ultrabook* yang telah dibuat sehingga Tahun Taksiran 2012 tidak akan ditarik balik.

Layanan cukai untuk tuntutan potongan seperti di atas adalah berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2013.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh : 15hb Julai 2013